

DBKL tidak akan tutup kawasan Jalan Masjid India

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak akan menutup kawasan Jalan Masjid India yang berlaku kejadian tanah jerlus, pagi kelmarin, malah perniagaan boleh beroperasi seperti biasa kerana lokasi itu disahkan selamat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif, berkata petugas DBKL juga sentiasa melakukan pemantauan, meskipun kejadian tanah jerlus itu pernah berlaku di kawasan berkenaan tahun lalu.

“Kawasan ini terkawal dan selamat, jadi tidak ada masalah atau sebab untuk kita (DBKL) menutupnya, malah perniagaan boleh beroperasi seperti biasa.

“Selain itu, tiada sebarang aktiviti pengorekan berlaku di kawasan sekitar Masjid India,” katanya selepas meninjau operasi mencari dan menyelamatkan mangsa tanah jerlus, malam kelmarin.

Maimunah berkata, sebaik dimaklumkan mengenai kejadian berkenaan pagi kelmarin, pihaknya membuat semakan jajaran utiliti bawah tanah di sekitar kawasan kejadian sebelum mengesan laluan paip kumbahan bersaiz 1.5 meter diameter.

“Hasil semakan itu, proses pengesanan mangsa pada jajaran saluran paip kumbahan dilakukan sejak jam 4 petang tadi (kelmarin) namun sehingga kini mangsa belum ditemui.

“Pada masa ini DBKL bersama pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bergerak sebagai satu kumpulan bekerja keras mencari mangsa,” katanya.

Beliau turut merakamkan simpati kepada keluarga mangsa, terutama suaminya yang berada di lokasi kejadian.

“Saya bersimpati kepada keluarga mangsa, difahamkan mangsa dan suaminya akan berlepas pulang ke India, esok (semalam). Kita akan memberikan segala bantuan kepada keluarga mangsa, termasuk keperluan tempat tinggal sepanjang operasi mencari dilakukan,” katanya.